

21 AUG 2002

ADNAN ARAH SIASAT SEGERA DAKWAAN PROJEK KONDO JEJASKAN EKOSISTEM

KUANTAN, 21 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata kerajaan negeri akan segera menyiasat dakwaan sebuah projek kondominium di kawasan Cameron Highlands telah menjejaskan ekosistem alam sekitar kawasan itu.

"Kita akan segera siasat dan saya juga akan meminta Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands segera membuat laporan berhubung perkara itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco negeri, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini bahawa penduduk kawasan berkenaan mendakwa projek lima buah kondominium di Tanah Rata, berhampiran Hotel Heritage itu telah menjejaskan ekosistem serta penduduk kawasan itu akibat kerja-kerja penebangan pokok dan pemotongan lereng-lereng bukit.

Penduduk kawasan itu juga dilaporkan akan menghantar petisyen yang ditandatangani kira-kira 2,000 orang yang membantah projek itu untuk diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

"Saya percaya Majlis Daerah tidak akan membenarkan projek itu diteruskan jika ianya gagal mematuhi peraturan yang sedia ada, dan bila saya dapat laporan lengkap nanti, saya akan memberi kenyataan penuh," katanya.

-- BERNAMA

MS RHM